



Waterfall Road  
Temple



Shri Kunj  
Bihari Temple



Queen Street  
Mariamman Temple



Sri Ramar Temple



Butterworth Temple



KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI

# LAPORAN TAHUNAN & PENYATA KEWANGAN LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2016 [ TELAH DIAUDIT ]






Waterfall Road  
Temple



Shri Kunj  
Bihari Temple



Queen Street  
Mariamman Temple



Sri Ramar Temple



Butterworth Temple



KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI

## LAPORAN TAHUNAN & PENYATA KEWANGAN LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2016 [ TELAH DIAUDIT ]



# LAPORAN TAHUNAN & PENYATA KEWANGAN LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2016 (TELAH DIAUDIT)

## 1. LATAR BELAKANG

- 1.1 Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (Lembaga) telah ditubuhkan pada 1 Januari 1906 di bawah Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17), Tahun 1905. Ia merupakan pemegang harta wakaf dan kuil-kuil di bawah pengurusannya dan bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran serta kebajikan kuil-kuil berkenaan. Lembaga juga boleh mengambil alih pengurusan mana-mana kuil Hindu di Pulau Pinang sekiranya diperintahkan oleh TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang atas nasihat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
  
- 1.2 Lembaga adalah sebuah Badan Berkanun Negeri yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang berfungsi untuk:
  - (i) mentadbir, menyelenggara dan menyelia wakaf Hindu serta kuil yang telah diberi atau akan diberi bagi maksud keagamaan, kebajikan, khairat dan pendidikan;
  
  - (ii) menyimpan kira-kira harta benda termasuk wang dan barang-barang kemas wakaf dan kuil berkenaan; dan
  
  - (iii) menyiasat mana-mana kuil Hindu di Pulau Pinang dan membuat laporan untuk TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di bawah Seksyen 4 Ordinan, sama ada ia perlu

ditadbir oleh Lembaga atau sebaliknya apabila sesuatu kuil itu didapati berada dalam keadaan salah urus, tiada pemegang amanah dan jika pentadbirannya di bawah Lembaga akan memberi manfaat kepada kuil berkenaan.

- 1.3 Terdapat 35 bidang tanah wakaf di Pulau Pinang yang berada di bawah rezab am Lembaga. Daripada jumlah tersebut, 34 bidang tanah adalah milik bebas dan 1 bidang adalah tanah pajakan.
- 1.4 Lembaga juga mentadbir dan mengurus tabung wakaf bagi kuil-kuil dan akaun seperti berikut:
  - (i) Kuil Hill Top Murugan, Pulau Pinang;
  - (ii) Kuil Waterfall, Pulau Pinang;
  - (iii) Kuil Sri Ramar, Pulau Pinang (Dahulunya dikenali sebagai Kuil Ranee Dhoby Ghaut);
  - (iv) Kuil Sri Kunj Bihari, Pulau Pinang;
  - (v) Kuil Sri Maha Mariamman; Butterworth;
  - (vi) Kuil Sri Maha Mariamman, Queen Street, Pulau Pinang;
  - (vii) Lot 898, Seksyen 3, D.T.L. Georgetown, Pulau Pinang; dan
  - (viii) Kuil Sri Selva Vinayagar Hindu Paripalana Devasthanam, Jalan Besar, Perai Pulau Pinang.

## 2. Pentadbiran Wakaf-Wakaf

- 2.1 Urusan harian di kuil-kuil adalah dikendalikan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kuil yang dilantik oleh Lembaga kecuali bagi Lot 898, Seksyen 3, D.T.L. Georgetown. Tempoh pelantikan Jawatankuasa ini adalah selama 1 tahun.
- 2.2 Di samping itu, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan perkenan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang diberi kuasa untuk melantik Pesuruhjaya Lembaga. Tempoh lantikan Pesuruhjaya Lembaga juga adalah selama 1 tahun. Pengerusi dan Naib Pengerusi Lembaga pula terdiri daripada mereka yang dipilih oleh Pesuruhjaya Lembaga. Setiausaha Lembaga merupakan seorang pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mengambil tindakan ke atas keputusan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Lembaga.
- 2.3 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan persetujuan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah melantik Pesuruhjaya Lembaga bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 30 Jun 2017 yang terdiri daripada :-
- (i) YB Tuan Prof. Dr. P.Ramasamy (Pengerusi);
  - (ii) YB Tuan A.Thanasekharan (Naib Pengerusi);
  - (iii) Encik Surentharan A/L Ramadas (Setiausaha);
  - (iv) YB Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji;

- (v) YBhg. Dato' Markend Dalpatram Joshi;
- (vi) YBhg. Dato' Ramanathan A/L N.Rengasamy Pillai;
- (vii) YBhg. Dato' Kuvenaraju Pachappen;
- (viii) Dr Shankar A/L Sammanthanmurthy;
- (ix) YBhg. Dato' Murelidaran A/L M.Navaratnam;
- (x) Encik Gunabalan A/L Krishnasamy; dan
- (xi) Encik Kaliyappan A/L P.Renganathan.

2.4 Hasil pendapatan utama Lembaga adalah terdiri daripada 15% yuran pengurusan yang dikenakan ke atas pendapatan kasar wakaf-wakaf di bawah pengurusan Lembaga, 3% bagi Tabung Pelajaran dan 2% bagi Tabung Kebajikan daripada pendapatan wakaf-wakaf tersebut. Selain itu, Lembaga telah menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebanyak RM1,170,000 dan peruntukan khas Pejabat Timbalan Ketua Menteri (II) sebanyak RM85,000.

### 3. LAPORAN KEWANGAN

- 3.1 Jumlah pendapatan operasi Lembaga telah berkurangan sebanyak RM4,734 iaitu daripada RM6,075,389 pada tahun 2015 kepada RM6,070,655 bagi tahun 2016.
- 3.2 Jumlah perbelanjaan pengurusan dan operasi Lembaga telah bertambah sebanyak RM997,740 iaitu daripada RM4,866,299 pada

tahun 2015 kepada RM5,864,039 pada tahun 2016. Namun, lebihan daripada operasi telah berkurangan sebanyak RM1,002,474 iaitu daripada RM1,209,090 pada tahun 2015 kepada RM206,616 pada tahun 2016.

- 3.3 Selain itu, lebihan terkumpul bertambah sebanyak RM154,550 iaitu daripada RM17,744,484 pada tahun 2015 kepada RM17,899,034 pada tahun 2015.

#### **4. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

- 4.1 Ketua Audit Negara dalam laporannya bertarikh 25 Ogos 2017 berpendapat penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Pengarah, Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17), 1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175 Tahun 1989 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.
- 4.2 Pemerhatian Audit terhadap penyata kewangan Lembaga di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran adalah Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak menerima resit rasmi daripada tukang emas bagi pencairan barang-barang kemas 916 seberat 282.86 gram kepada sekeping *gold bar* 999 seberat 278.68 gram untuk pembinaan *Golden Chariot*. Selain itu, penjualan barang-barang perak seberat 6,502 gram berjumlah RM25,655

tidak mempunyai resit rasmi daripada pembeli. Baki wang kutipan perayaan pada 31 Disember 2016 yang berjumlah RM64,356.88 telah lewat dibankkan ke Akaun Lembaga pada bulan Januari dan April 2017.

## 5. PENJELASAN TERHADAP TEGURAN KETUA AUDIT NEGARA

5.1 Penjelasan bagi Sijil Audit (Asas Kepada Pendapat Berteguran) dari Jabatan Audit Negara adalah seperti berikut :-

- (i) mengenai teguran ke atas Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak menerima resit rasmi daripada tukang emas bagi pencairan barang-barang kemas 916 seberat 282.86 gram kepada sekeping *gold bar* 999 seberat 278.68 gram untuk pembinaan *Golden Chariot*, pihak Lembaga telah menjelaskan serta mengemukakan salinan resit-resit rasmi dari tukang emas kepada Pihak Audit semasa Mesyuarat *Exit Conference* pada 25hb Ogos 2017; dan
- (ii) tentang penjualan barang-barang perak seberat 6,502 gram berjumlah RM25,655 tidak mempunyai resit rasmi daripada pembeli, pihak Lembaga telah menerima resit rasmi daripada pembeli barang-barang Perak tersebut. Pihak Lembaga akan mengemukakan resit rasmi kepada pihak Audit; dan
- (iii) mengenai baki wang kutipan perayaan pada 31 Disember 2016 yang berjumlah RM64,356.88 telah lewat dibankkan ke Akaun Lembaga pada bulan Januari dan April 2017, pihak Lembaga telah menjelaskan bahawa baki wang tersebut

merupakan kutipan dari kuil-kuil semasa perayaan berlangsung dari bulan Disember 2016 hingga bulan Januari 2017. Oleh demikian, kutipan wang perayaan hanya dapat didepositkan pada tahun 2017.

## 6. PENCAPAIAN

- 6.1 Pada keseluruhannya, Lembaga telah berjaya mencapai objektifnya sebagai pentadbir dan pemegang harta wakaf dan kuil-kuil di bawah pengurusannya. Lembaga juga telah menjalankan program dan aktiviti untuk masyarakat di Pulau Pinang, khususnya penganut agama Hindu.
- 6.2 Lembaga telah menyalurkan bantuan kewangan sebanyak RM735,073 melalui pelaksanaan program seperti penyaluran bantuan kewangan sebanyak RM606,423 kepada 313 orang pelajar kaum India yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta pra-universiti. Selain itu, pihak Lembaga turut memberi sumbangan sebanyak RM105,000 sebagai bantuan kebajikan kepada 104 orang miskin dan 5 persatuan keagamaan dan kebajikan. Tambahan pula, pihak Lembaga juga telah memberi bantuan perubatan dan rawatan sebanyak RM23,650.00 kepada 6 orang pesakit.
- 6.3 Pihak Lembaga turut mengadakan program-program khas seperti berikut :-
  - (i) perayaan Ponggal Tahunan pada 18 Januari 2016 di Kuil Sri Selva Vinayagar Prai;

- (ii) persesembahan tarian Tradisional Ganjam (Tarian Odissi) pada 8 April 2016 di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang; dan
  - (iii) mengadakan upacara “*Kumbhabisegam*” Kuil Queen Mahamariamman pada 10 Julai 2016.
- 6.4 Lanjutan daripada pembelian 3 lot tanah iaitu Lot 302 (Geran 58), Lot 333 (Geran 56) dan Lot 334 (Geran 57) di Bandar Perai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang dengan jumlah pembayaran sebanyak RM362,220.00, Lembaga telah membayar 3% daripada jumlah bayaran iaitu sebanyak RM10,866.60 pada tahun 2015 dan 7% lagi sebanyak RM25,355.40 pada tahun 2016.
- 6.5 Lembaga telah mengambil alih pengurusan Kuil Sri Selva Vinayagar Hindu Paripalana Devasthanam, Prai Pulau Pinang. Lembaga juga meneruskan persediaan *Golden Chariot* di Kuil Waterfall untuk digunakan semasa perayaan Thaipusam 2017.

## 7. PERKARA-PERKARA YANG MEMERLUKAN PERHATIAN JEMAAH MENTERI

- 7.1 Laporan kewangan Lembaga telah menunjukkan pengoperasian masih dapat dijalankan dengan baik walaupun terdapat penambahan kos perbelanjaan operasi dan pengurusan sebanyak 20% pada tahun 2016 dibandingkan dengan tahun 2015. Tambahan pula, pihak Lembaga telah berjaya mengekalkan pendapatan operasi yang melebihi RM6 juta dan menampung perbelanjaan pengoperasian yang telah meningkat. Walau bagaimanapun, penelitian pada pengumpulan resit-resit rasmi

untuk tujuan jualbeli barang-barang kemas perlu diberi perhatian yang sepenuhnya untuk mengelakkan teguran Audit pada masa akan datang.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, Lembaga telah dapat menjalankan fungsinya dengan baik. Dari segi perakaunan, Lembaga telah mematuhi peraturan supaya akaunnya diaudit dan pihak Lembaga sedang mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti pentadbirannya.

**LAMPIRAN**

**Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2016 /2017**

Pesuruhjaya – Pesuruhjaya Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang (YB. Prof Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy, YB. Tanasekharan a/l Autherapady, Encik Surentharan a/l Ramadas, YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji, YBhg. Dato' Markend Dalpatram Joshi, YBhg. Dato' Murelidaran a/l M Navaratnam, YBhg. Dato' Sr Kuvenaraju Pachappen, YBhg. Dato' Ramanathan a/l N Rengasamy Pillai, Dr. Shankar a/l Sammanthamurthy, Encik Gunabalan a/l Krishnasamy, Encik Kaliyappan a/l P. Renganathan).




**Penyampaian Cek-cek kepada pelajar-pelajar IPTA / IPTS bagi tahun 2016 oleh Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang**



**Perayaan Ponggal Tahunan di Kuil Sri Selva Vinayagar, Prai, anjuran bersama Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang**



**Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang serta “*Sutra Foundation*” telah menganjurkan persempahan tarian Traditional Ganjam (Tarian Odissi) di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang**






Waterfall Road  
Temple



Shri Kunj  
Bihari Temple



Queen Street  
Mariamman Temple



Sri Ramar Temple



Butterworth Temple



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

## LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG

### BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat Berteguran**

Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 4 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Penyata Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Pengarah, Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17), 1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175 Tahun 1989 kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

**Asas Kepada Pendapat Berteguran**

Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak menerima resit rasmi daripada tukang emas bagi pencairan barang-barang kemas 916 seberat 282.86gram kepada sekeping gold bar 999 seberat 278.68gram untuk pembinaan *Golden Chariot*. Selain itu, penjualan barang-barang perak seberat 6,502gram berjumlah RM25,665 tidak mempunyai resit rasmi daripada pembeli.

Baki wang kutipan perayaan pada 31 Disember 2016 yang berjumlah RM64,356.88 telah lewat dibankkan ke Akaun Lembaga pada bulan Januari dan April 2017.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat berteguran saya.

### **Kebebasan Dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan Dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang memberi gambaran benar dan saksama dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia diluluskan oleh Lembaga Pengarah, Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17), 1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175 Tahun 1989. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

### Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang.

- c Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan Dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Ordinan Wakaf-Wakaf Hindu (Ordinan 17), 1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175 Tahun 1989, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang telah disimpan dengan sempurna kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

## Hal-hal Lain

- a Seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 22 kepada penyata kewangan, Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) oleh Lembaga Pengarah mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2016 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.




(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA

MALAYSIA

KEPALA BATAS

25 OGOS 2017




LEMBAGA WAKAF HINDU NEGERI PULAU PINANG  
(Incorporated in Malaysia)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN

Saya, Surentharan A/L Ramadas, setiausaha dan pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang, dengan ikhlasnya mengakui bahawa akaun-akaun di mukasurat 4 hingga 22 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Pulau Pinang pada 22 AUG 2017

  
.....  
SURENTHARAN A/L RAMADAS


Di hadapan saya,



### PENYATA PENGERUSI DAN SETIAUSAHA

Kami, YB Prof Dr Ramasamy S/O Palanisamy dan Surentharan A/L Ramadas merupakan Pengerusi dan Setiausaha bagi Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Pesuruhjaya - pesuruhjaya Lembaga, akaun-akaun di mukasurat 4 hingga 22 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang dan kumpulan pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

  
.....  
YB PROF DR RAMASAMY S/O PALANISAMY  
PENGERUSI

  
.....  
SURENTHARAN A/L RAMADAS  
SETIAUSAHA

Pulau Pinang.

Tarikh: 22 AUG 2017

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2016

	NOTA	2016 RM	2015 RM
HARTA, LOJI DAN PERALATAN	3	18,037,233	16,972,519
<b>ASET SEMASA</b>			
Pelbagai penghutang	4	128,656	125,716
Wang cagaran		115,622	71,756
Tunai dan kesetaraan tunai	5	2,368,906	3,405,767
		<u>2,613,184</u>	<u>3,603,239</u>
<b>JUMLAH ASSET</b>		<u>20,650,417</u>	<u>20,575,758</u>
<b>TANGGUNGAN SEMASA</b>			
Pelbagai pembiayaan		56,306	202,826
Perbelanjaan terakru dan cagaran diterima		104,355	87,466
		<u>160,661</u>	<u>290,292</u>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>			
TABUNG BANGUNAN		1,392,766	1,392,766
TABUNG KEBAJIKAN	6	157,583	137,687
TABUNG PELAJARAN	7	204,868	175,024
		<u>1,755,217</u>	<u>1,705,477</u>
REZAB AM	8	194,687	194,687
REZAB PENILAIAN SEMULA		640,818	640,818
LEBIHAN TERKUMPUL		17,899,034	17,744,484
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN DAN TANGGUNGAN</b>		<u>20,650,417</u>	<u>20,575,758</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

**PENYATA UNTUNG DAN RUGI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 RM	2015 RM
Pendapatan operasi	9	5,402,591	5,548,160
Pendapatan operasi lain	10	668,064	527,229
Jumlah pendapatan		<u>6,070,655</u>	<u>6,075,389</u>
 Tolak:			
Perbelanjaan pengurusan	11	118,605	142,086
Perbelanjaan operasi	12	4,819,970	3,908,747
Perbelanjaan pekerja	13	925,464	815,466
Jumlah perbelanjaan		<u>5,864,039</u>	<u>4,866,299</u>
 Lebihan daripada operasi		206,616	1,209,090
Kos kewangan	14	(2,326)	(2,924)
 <b>LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CARUMAN</b>		<b>204,290</b>	<b>1,206,166</b>
 Tolak:			
Caruman 3% fi pengurusan kepada Tabung Pelajaran	7	29,844	17,784
Caruman 2% fi pengurusan kepada Tabung Kebajikan	6	19,896	11,855
		<u>49,740</u>	<u>29,639</u>
 <b>LEBIHAN PENDAPATAN SELEPAS CARUMAN</b>		<b>154,550</b>	<b>1,176,527</b>
Tambahan dalam tabung		49,740	29,639
Keuntungan tertahan di bawah hadapan		<u>20,285,466</u>	<u>19,079,300</u>
Keuntungan tertahan di bawah ke hadapan		<u>20,489,756</u>	<u>20,285,466</u>

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 RM	2015 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Lebihan untuk tahun ini		204,290	1,206,166
Pelarasan:			
Susutnilai	3	868,913	789,323
Hapus kira pelbagai pembiayaan		(108,856)	-
Peruntukan hutang rugi		6,000	26,742
Pendapatan faedah	10	(66,660)	(69,856)
Lebihan kendalian sebelum perubahan modal kerja		903,687	1,952,375
(Penambahan)/ Pengurangan pelbagai penghutang	4	(8,940)	1,343
Penambahan wang cagaran		(43,866)	(14,633)
(Pengurangan) /Penambahan pelbagai pembiayaan		(37,664)	25,678
Penambahan /(Pengurangan) perbelanjaan terakru dan cagaran diterima		16,889	(6,549)
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi		830,106	1,958,214
Faedah diterima	10	66,660	69,856
Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi		896,766	2,028,070
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Pembelian harta, loji dan peralatan	3	(1,933,627)	(2,894,504)
Aliran tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan		(1,933,627)	(2,894,504)
<b>KURANGAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>			
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		(1,036,861)	(866,434)
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN		3,405,767	4,272,201
	5	2,368,906	3,405,767

Nota-nota disertakan merupakan sebahagian asasi untuk akaun ini

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**1. AKTIVITI UTAMA**

Lembaga Wakaf Hindu Negeri Pulau Pinang adalah Badan Berkanun Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan pada 1 Januari 1906 di bawah Ordinan Wakaf-wakaf Hindu (Ordinan 17), Tahun 1905 dan Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bab 175, Tahun 1989. Tujuan utama penubuhan Lembaga Wakaf adalah untuk mentadbir, menyelenggara dan menyelia Wakaf-wakaf Hindu yang telah pun diberi atau akan diberi untuk maksud keagamaan, kebaikan, khairat dan untuk memberi manfaat termasuk pelajaran.

Penyata kewangan disahkan dan diluluskan untuk diisu oleh ahli jawatan kuasa Lembaga pada

**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING**

**(a) Asas perakaunan**

Akaun-akaun Lembaga Wakaf telah disediakan berdasarkan kelaziman kos sejarah dan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia iaitu Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan juga peruntukan Akta Berkanun, 1960 di Malaysia.

Penyata kewangan ini adalah yang pertama disediakan mengikut piawaian MPERS.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, Lembaga telah menerima pakai MPERS. Tarikh peralihan kepada piawaian MPERS adalah 1 Januari 2015.

Penggunaan MPERS memerlukan semua Piawaian dalam MPERS digunakan kepada penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa berakhir 31 Disember 2016, penyata kewangan perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2015, dan penyata pembukaan kedudukan kewangan pada tarikh peralihan kepada MPERS.

Pada tahun-tahun sebelumnya, penyata kewangan Lembaga telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS).

Peralihan kepada MPERS tidak mempunyai kesan ke atas penyata kewangan Lembaga.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

### (a) Asas perakaunan...sambungan

Pada Oktober 2015, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB") telah mengeluarkan Pindaan kepada MPERS yang berkuat kuasa bagi penyata kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017, dengan permohonan awal dibenarkan. Syarikat telah memilih untuk menggunakan awal Pindaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Pindaan membolehkan pilihan untuk model penilaian semula bagi hartanah, loji dan peralatan, bagi menyelaraskan beberapa piawaian dalam MPERS kepada Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), dan memberi penjelasan lanjut dan panduan mengenai Piawaian dalam MPERS.

Penggunaan awal Pindaan kepada MPERS tidak mempunyai kesan ke atas penyata kewangan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 dan tahun perbandingan berakhir 31 Disember 2015.

Tabung Wakaf yang ditadbirkan dan diuruskan oleh Lembaga adalah seperti berikut:

- Kuil Waterfall
- Kuil Sri Kunj Bihari
- Kuil Butterworth
- Kuil Sri Ramar (dahulunya dikenali sebagai Kuil Ranee Dhoby Ghaut)
- Kuil Queen Street
- Akaun Lot 898 P.B.3
- Kuil Hilltop Murugan
- Kuil Sri Selva Vinayagar

Sebelum November 2008, Lembaga mengendalikan akaun dengan Wakaf mengikut 'Sistem Pengumpulan Pusat'. Mengikut sistem ini, hanya satu akaun bank (akaun Pusat) yang dikendalikan dan diawasi oleh Lembaga Wang Tabung disalurkan kepada Wakaf oleh Lembaga bila diperlukan dan tidak semestinya bersesuaian dengan baki tabungan di dalam Akaun Pusat.

Mulai November 2008, akaun bank berasingan dibuka untuk setiap kuil yang dikendalikan dan diawasi oleh Lembaga. Dengan ini wang tabung yang diterima dari setiap kuil diasingkan dalam akaun bank masing-masing.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

### (b) Anggaran dan pertimbangan perakaunan penting

#### (i) Perubahan anggaran

Anggaran adalah dinilai secara berterusan dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah mengikut keadaan.

Para Pengarah berpendapat bahawa tiada perubahan ketara dalam anggaran pada akhir tempoh laporan.

#### (ii) Pertimbangan kritikal dalam menggunakan polisi perakaunan

Tidak ada pertimbangan kritikal yang ketara dalam penggunaan dasar perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

#### (iii) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Tiada skop yang ketara ketidakpastian anggaran dalam menggunakan polisi perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

### (c) Hartanah, loji dan peralatan

#### (i) Pengiktirafan dan pengukuran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan aset dan sebarang kos lain yang secara langsung untuk membawa aset kepada keadaan bekerja untuk kegunaan yang dimaksudkan, dan kos merungkai dan mengalih barang dan menggunakan tapak di mana mereka berada. Kos aset yang dibina sendiri juga termasuk kos bahan dan buruh langsung. Kos juga termasuk pengangkutan dari ekuiti sebarang keuntungan atau kerugian atas lindung nilai yang layak pembelian mata wang asing harta tanah, loji dan peralatan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

### (c) Hartanah, loji dan peralatan...sambungan

#### (i) Pengiktirafan dan pengukuran...sambungan

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan sesuatu harta tanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan perolehan daripada pelupusan dengan amanah dibawa bagi harta tanah, loji dan peralatan dan diiktiraf bersih dalam "pendapatan lain" atau "perbelanjaan operasi lain" dalam keuntungan atau kerugian.

Lembaga menilai semula harta, loji dan peralatannya yang terdiri daripada emas dan perhiasan setiap tahun dan pada tempoh yang lebih pendek apabila nilai saksama aset dinilai semula dijangka akan berbeza secara material daripada nilai buku.

Lebihan yang timbul daripada penilaian semula diuruskan dalam akaun rezab penilaian semula. Sebarang defisit yang timbul akan diambil kira dalam rezab penilaian semula setakat peningkatan sebelumnya bagi aset yang sama. Dalam semua kes-kes lain, penurunan dalam jumlah yang dibawa dicaj kepada penyata pendapatan.

#### (ii) Kos berikutnya

Kos menggantikan komponen sesuatu harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam amanah dibawa item tersebut jika terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam komponen tersebut akan mengalir kepada Syarikat, dan kosnya boleh diukur dengan pasti. Amanah dibawa bagi komponen yang diganti tidak diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Kos penyelenggaraan hari ke hari harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ditanggung.

#### (iii) Susut nilai

Susut nilai adalah berdasarkan kepada kos aset ditolak nilai baki. Komponen penting aset individu dinilai, dan jika komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset itu, maka komponen tersebut disusutnilai secara berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaan setiap komponen sesuatu harta tanah, loji dan peralatan dari tarikh ia sedia untuk digunakan. Aset pajakan disusutnilai lebih pendek antara tempoh pajakan dan hayat kegunaannya melainkan ia adalah kepastian yang munasabah bahawa Syarikat akan mendapat hak milik pada akhir tempoh pajakan. Anggaran hayat kegunaan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

### (c) Harta, loji dan peralatan...sambungan

#### (iii) Susut nilai...sambungan

Kadar susutnilai tahunan yang utama adalah:

Bangunan	2%
Ubahsuai kuil	2%
Emas dan perhiasan	20%
Alat kelengkapan	10%
Kuil – kuil	2%
Kenderaan bermotor	20%

### (d) Instrumen ekuiti

Instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diukur pada kos pada pengiktirafan awal dan tidak diukur semula kemudiannya.

#### (i) Belanja terbitan

Kos yang berkaitan langsung dengan isu instrumen yang dikelaskan sebagai ekuiti diiktiraf sebagai potongan daripada ekuiti, bersih daripada sebarang berkaitan manfaat cukai pendapatan

#### (ii) Modal saham

Saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

### (e) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, akibat daripada peristiwa yang lalu, Syarikat mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif yang boleh dianggarkan dengan pasti, dan berkemungkinan bahawa aliran keluar manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa hadapan pada kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada liabiliti. Penamatan diskaun adalah diiktiraf sebagai kos kewangan.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

### (f) Hasil dan pendapatan lain

#### (i) Fi pengurusan dari Lembaga

Lembaga mengenakan fi pengurusan sebanyak 20% (20% mulai November 1990 yang mana 3% kenaikan adalah kutipan untuk Tabung Pelajaran dan 2% diperuntukkan kepada Tabung Kebajikan mulai Oktober 1991) terhadap pendapatan kasar dari wakaf-wakaf bagi tugas mengurus dan mentadbir aktiviti wakaf-wakaf sebagaimana yang diperuntukan di dalam Ordinan. Kutipan derma untuk Tabung Pelajaran dan Tabung Bangunan tidak dikenakan fi pengurusan disebabkan tabung tersebut bukanlah wakaf.

#### ii) Kutipan dari kuil-kuil

Kutipan dari kuil-kuil diiktirafkan secara tunai.

#### iii) Pendapatan lain

Pendapatan faedah dari simpanan tetap dan kutipan sewa diiktiraf berdasarkan akruan.

### (g) Faedah-faedah pekerja

#### (i) Faedah jangka pendek

Upah, penggajian, caruman keselamatan sosial, bonus dan faedah-faedah bukan berbentuk wang diakru dalam tempoh kewangan di mana perkhidmatan berkaitan dilakukan oleh pekerja Syarikat.

#### (ii) Rancangan caruman tetap

Syarikat membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan PERKESO. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan seperti yang ditanggung. Apabila caruman dibayar, Syarikat tiada obligasi bayaran lagi.

## 2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING...SAMBUNGAN

### (h) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai pendapatan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan kecuali pada tahap di mana ia berkaitan dengan penggabungan perniagaan atau butiran yang diiktiraf terus dalam ekuiti atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah cukai yang kena dibayar yang dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian boleh cukai bagi tahun ini, dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh laporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara antara amaun dibawa aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf untuk perbezaan sementara berikut: pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urus niaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan tidak menjelaskan sama ada perakaunan atau untung atau rugi boleh cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan pada perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada akhir tempoh laporan.

Jumlah cukai tertunda yang diiktiraf diukur berdasarkan jangkaan cara realisasi atau penyelesaian nilai dibawa aset dan liabiliti, menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal pada tarikh laporan. Aset dan liabiliti cukai tertunda tidak diskaun.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi liabiliti dan aset cukai semasa, dan ia berkaitan dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama pada entiti boleh dicukai yang sama, atau ke atas entiti cukai yang berbeza, tetapi mereka bercadang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa pada asas bersih atau aset dan liabiliti cukai mereka akan direalisasikan pada masa yang sama.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai masa hadapan akan tersedia terhadap yang mana perbezaan sementara boleh digunakan. Aset cukai tertunda disemak pada setiap akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan setakat yang ia tidak lagi berkemungkinan bahawa faedah cukai berkaitan akan direalisasi.

### (i) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko perubahan dalam nilai saksama dengan tempoh matang asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh Syarikat dalam pengurusan komitmen jangka pendek. Ini juga termasuk overdraf bank yang merupakan sebahagian daripada pengurusan tunai Syarikat.

### 3. HARTA, LOJI DAN PERALATAN

	2016	KOS	SUSUTNILAI TERKUMPUL			BERSIH	
			Baki pada 1 Januari	Tambahan / Pelarasan	Pelupusan / Hapus kira	Baki pada 31 Disember	
BANGUNAN	3,729,433	1,517,070	-	5,246,503	2,474,274	205,414	-
UBAHSUAI	5,551,444	905,614	-	6,457,058	322,474	102,274	-
EMAS DAN PERHIASAN	754,905	23,468	(640,833)	137,540	15,044	15,223	-
ALAT KELENGKAPAN	1,322,294	119,608	-	1,441,902	619,490	121,070	-
KUIL - KUIL	10,288,721	8,700	-	10,297,421	1,314,430	391,309	-
KENDERAAN BERMOTOR	168,120	-	-	168,120	97,036	33,623	-
TANAH PEGANGAN PAJAK	10	-	-	10	-	-	-
TANAH PEGANGAN BEBAS	340	-	-	340	-	-	-
	21,815,267	2,574,460	(640,833)	23,748,894	4,842,748	868,913	-
						5,711,661	18,037,233

Termasuk dalam harta, loji dan peralatan adalah nilai tanah pegangan pajak (1) dan tanah pegangan bebas (34) yang dinaiktarikh pada nilai nominal RM10 setiap satu.

**3. HARTA, LOJI DAN PERALATAN...SAMBUNGAN**

	2015	KOS			SUSUTNILAI TERKUMPUL			NILAI BUKU BERSIH		
		Baki pada 1 Januari	Tambahan / Pelarasan	Pelupusan / Hapus kira	Baki pada 31 Disember	Baki pada 1 Januari	Pelarasan	Pelupusan / Hapus kira	Baki pada 31 Disember	2015
BANGUNAN	3,626,844	102,589	-	3,729,433	2,323,551	150,723	-	2,474,274	1,255,159	
UBAHSUAI	3,675,859	1,875,585	-	5,551,444	230,421	92,053	-	322,474	5,228,970	
EMAS DAN PERHIASAN	699,205	55,700	-	754,905	3,576	11,468	-	15,044	739,861	
ALAT KELENGKAPAN	829,698	494,776	(2,180)	1,322,294	510,044	110,318	(872)	619,490	702,804	
KUIL - KUIL	9,985,301	303,420	-	10,288,721	923,294	391,136	-	1,314,430	8,974,291	
KENDERAAN BERMOTOR	105,686	62,434	-	168,120	63,411	33,625	-	97,036	71,084	
TANAH PEGANGAN PAJAK	10	-	-	10	-	-	-	-	10	
TANAH PEGANGAN BEBAS	340	-	-	340	-	-	-	-	340	
	18,922,943	2,894,504	(2,180)	21,815,267	4,054,297	789,323	(872)	4,842,748	16,972,519	

#### 4. PELBAGAI PENGHUTANG

	2016 RM	2015 RM
Pelbagai penghutang	427,052	418,112
Tolak: Peruntukan hutang ragu	<u>(298,396)</u>	<u>(292,396)</u>
	<u>128,656</u>	<u>125,716</u>

Pelbagai penghutang termasuk RM25,950 (2015: RM25,950) yang dihutang oleh bekas penolong setiausaha yang dianggap telah menyalahgunakan wang Lembaga. Perkara ini telah dilaporkan kepada polis dan kini masih dalam siasatan. Tempoh kutipan balik hutang tersebut tidak diketahui. Pihak Lembaga telah melakukan inisiatif dengan sentiasa mengemaskini kedudukan hutang dan status pembayaran balik melalui surat dengan penghutang tersebut.

Amaun terhutang adalah berjumlah RM65,000 pada tahun 2009. Sehingga tahun semasa, Lembaga telah berjaya mengutip semula sebanyak RM39,050 daripada amaun terhutang tersebut.

Pelbagai penghutang merangkumi hutang tertunggak bagi pendapatan sewa. Syarat kredit bayaran bagi penerimaan sewa adalah 1 hingga 30 hari. Pihak Lembaga telah melakukan inisiatif dengan sentiasa mengemaskini kedudukan hutang dan status pembayaran balik melalui surat dengan penghutang sewa bagi memastikan tiada hutang tertunggak yang tidak dapat dikutip.

Tumpuan risiko kredit bagi penerimaan sewa adalah terhad disebabkan bilangan pelanggan kumpulan yang besar. Pihak pengurusan percaya bahawa tiada risiko kredit dengan hutang tersebut dan percaya semua sewa tertunggak dapat dikutip.

#### 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2016 RM	2015 RM
Simpanan tetap di bank berlesen	1,684,794	2,608,257
Baki di bank	619,755	790,360
Tunai di tangan	<u>64,357</u>	<u>7,150</u>
	<u>2,368,906</u>	<u>3,405,767</u>

## 5. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI...SAMEUNGAN

Kadar faedah simpanan tetap pada 31 Disember adalah seperti berikut:

	Kadar faedah 2016 %	Kadar faedah 2015 %
Simpanan tetap di bank berlesen	<u>2.95 – 3.30</u>	<u>3.20 – 3.30</u>

## 6. TABUNG KEBAJIKAN

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	137,687	125,832
Caruman 2% bagi tahun semasa	19,896	11,855
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b><u>157,583</u></b>	<b><u>137,687</u></b>

## 7. TABUNG PELAJARAN

	2016 RM	2015 RM
Baki pada 1 Januari	175,024	157,240
Caruman 3% bagi tahun semasa	29,844	17,784
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b><u>204,868</u></b>	<b><u>175,024</u></b>

## 8. REZAB AM

Rezab am merangkumi:

- i) Bayaran gantirugi yang diterima oleh Lembaga bagi sebahagian tanah Lot 900, Seksyen 3, Daerah Timur Laut, Georgetown, Pulau Pinang yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri menurut Akta Pengambilan Tanah, 1960 (Seksyen 16) dalam tahun 1991.
- ii) Bayaran gantirugi yang diterima oleh Lembaga bagi sebahagian tanah Lot 421, TS 21, NED, Pulau Pinang yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri menurut Akta Pengambilan Tanah, 1960 (Seksyen 16) dalam tahun 1982.
- iii) Bayaran gantirugi yang diterima oleh Lembaga bagi sebahagian tanah Lot 853 dan 857, Mukim 15, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang yang telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri menurut Akta Pengambilan Tanah, 1960 (Seksyen 16) dalam tahun 1973.
- iv) Nilai nominal sebanyak RM350 direkodkan untuk 34 bidang tanah milik bebas dan 1 bidang tanah pajakan.

## 9. PENDAPATAN OPERASI

	2016 RM	2015 RM
Bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang	1,170,000	1,390,000
Peruntukan khas dari Pejabat Timbalan Ketua Menteri (II)	85,000	119,960
Kutipan Perayaan	2,597,072	2,630,134
Kutipan untuk 'tombstone' dan 'headstone'	430,809	317,433
Pendapatan dari Dewan Serbaguna – Kuil Butterworth	161,505	198,013
Sumbangan diterima	398,450	636,234
Kutipan jualan tiket archanai	287,556	210,263
Pelbagai pendapatan	272,199	46,123
	<hr/> <u>5,402,591</u>	<hr/> <u>5,548,160</u>

**10. PENDAPATAN OPERASI LAIN**

	2016 RM	2015 RM
Faedah atas simpanan akaun semasa di bank berlesen	37	103
Faedah atas simpanan tetap di bank berlesen	66,623	69,753
Hapus kira pelbagai pembiayaan	108,856	-
Sewa diterima	492,548	457,373
	<hr/>	<hr/>
	668,064	527,229

**11. PERBELANJAAN PENGURUSAN**

	2016 RM	2015 RM
Bayaran audit	5,455	4,600
Bayaran perakaunan	16,130	10,000
Bayaran pos	432	574
Cetakan dan alat tulis	20,286	24,997
Insuran	59,123	59,357
Permit kerja	12,240	5,260
Sewa peti keselamatan bank	2,429	590
Bayaran professional	2,510	36,708
	<hr/>	<hr/>
	118,605	142,086

**12. PERBELANJAAN OPERASI**

	2016 RM	2015 RM
Bayaran telefon	13,309	12,332
Belanja perayaan	1,900,360	1,344,052
Belanja perjalanan	29,121	12,814
Belanja pengiklanan	828	12,296
Belanja perubatan	1,394	4,503
Bantuan kewangan untuk pendidikan	711,423	478,573
Bantuan kewangan untuk kebajikan	23,650	121,885
Baki hantar hadapan	2,680,085	1,986,455

**12. PERBELANJAAN OPERASI...SAMBUNGAN**

	2016 RM	2015 RM
Baki bawa hadapan	2,680,085	1,986,455
Cukai jalan	-	1,611
Derma dan hadiah	8,155	22,670
Elektrik dan air	258,660	239,794
Komisen	400,045	194,081
Lesen	-	1,920
Makanan dan minuman	23,789	18,751
Pelbagai perbelanjaan	87,279	37,004
Pembaikan dan penyelenggaraan	252,699	214,959
Pembaikan dan penyelenggaraan – Krematorium	-	58,056
Penalti dan denda	-	274
Susutnilai	868,913	789,323
Perbelanjaan untuk premis yang disewakan	39,355	54,376
Perkhidmatan kawalan keselamatan	19,670	17,007
Penyelenggaraan laman sesawang	480	2,786
Perbelanjaan pemujaan	25,688	70,886
Perbelanjaan pengebumian dan ‘tombstone’	56,241	170,984
Peruntukan hutang rugu	6,000	26,742
Rugi atas pelupusan harta, loji dan peralatan	92,911	808
Sewa peralatan	-	260
	<u>4,819,970</u>	<u>3,908,747</u>

**13. PERBELANJAAN PEKERJA**

	2016 RM	2015 RM
Gaji, gratuity, elaun dan bonus	872,417	762,639
KWSP	46,348	46,406
SOCSCO	6,699	6,421
	<u>925,464</u>	<u>815,466</u>
Bilangan pekerja pada akhir tahun	<u>27</u>	<u>26</u>

**14. KOS KEWANGAN**

	2016 RM	2015 RM
Bayaran perkhidmatan bank	<u>2,326</u>	<u>2,924</u>

**15. KOMITMEN MODAL**

	2016 RM	2015 RM
Diluluskan, dikontrakkan tetapi tidak diperuntukkan - Berkaitan pembelian 3 lot tanah bernombor Lot 302 0(Geran 58), Lot 333 (Geran 56) dan Lot 334 (Geran 57) di Bandar Perai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	<u>325,998</u>	<u>362,220</u>





**Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi**

Unit Pembangunan Penjaja, Peniaga Kecil & Wakaf Hindu Pulau Pinang

No.15, Aras 11, Jalan Persiaran Perdana, Presint 2,

62654, W.P. Putrajaya, Malaysia

T: 03 8000 8000 F: 03 8880 3482 W: [www.mpic.gov.my](http://www.mpic.gov.my)

 [www.facebook.com/UPPKWH](https://www.facebook.com/UPPKWH)